

## UMS terima kunjungan hormat Bank Muamalat, bincang kolaborasi strategik

**UB 05.11.2022 P.02**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kunjungan hormat daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), di sini semalam.

Kunjungan diketuai Naib Presiden Kanan Operasi Perbankan BMMB dari Ibu Pejabat Kuala Lumpur, Muhammad Razuan Ab Rahman, Ketua Jabatan Syariah BMMB, Mohd Izwan Mahyudin dan Pengurus Cawangan BMMB Sabah, Albert Gololing.

Antara dibincang termasuk kolaborasi strategik antara kedua pihak ke arah membantu pelajar B40 UMS selain cadangan penglibatan Bank Muamalat dalam projek pemindahan ilmu yang dilaksanakan pihak universiti kepada komuniti setempat.

Di samping itu, perbincangan turut menjurus kepada cadangan penganjurkan program perkongsian ilmu dalam aspek kesihatan kewangan daripada Bank Muamalat kepada warga universiti.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS, Prof. Dr Rasid Mail



**BINCANG:** Perbincangan antara pihak Bank Muamalat dan UMS sempena kunjungan itu.

menyambut baik hasrat pihak BMMB.

Ujarnya, cadangan kolaborasi itu sangat bertepatan terutama dalam usaha membantu meringankan beban pelajar-pelajar B40.

“Kita berterima kasih atas kunjungan, cadangan dan hasrat pihak Bank Muamalat, dan sesungguhnya kita sangat mengalu-alukan kerjasama strategik seperti ini,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Hj Mansor ketika dihubungi turut menyatakan keterbukaan terhadap kolaborasi BMMB - UMS.

“Kerjasama seumpama ini bukan sahaja memperkasa institusi pengajian tinggi dan pihak industri tetapi yang lebih penting ia memberikan impak positif kepada manfaat komuniti tempatan di Sabah,” katanya.